

MAHATHIR
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 2 SEPT (BERNAMA) -- KESAN-KESAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) HENDAKLAH DINILAI BERSERTA KESTABILAN POLITIK YANG TELAH DICAPAINYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MANAKALA KERAJAAN SEDIA MENGAKUI BAHAWA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TERSEKAT ADALAH SATU DARI KESAN SAMPINGAN ATAU RINTANGAN DEB, PERBANDINGAN TIDAK MESTI DIBUAT DENGAN PERTUMBUHAN ANDAIAN BEKIRANYA DASAR ITU TIDAK DIJUJUKAN TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU TELAH BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN KE 35 GABUNGAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CHINA MALAYSIA (ACCCIM) DI SINI.

SAMBIL MENYELAR PARAPENKRIK DEB YANG MENGATAKAN BAHAWA DASAR LTU HENYEKAT PERTUMBUHAN EKONOMI, BELIAU BERKATA MEREKA BAGAL MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA ITULAH HARGA YANG DITANGGUNG OLEH NEGARA BAGI MENDAPATKAN KESTABILAN POLITIK.

TIDAK ADA PELABUR YANG SANGGUP MENGHADAP RISIKO MELABUR DALAM SEBUAH NEGARA YANG TIDAK STABIL KEADAAN POLITIKNYA TETAPI BILA KERAJAAN MERANGKA DASAR-DASAR YANG MENENTUKAN KESTABILAN POLITIK, ADA ORANG DENGAN HUDAH LUPA PERIMUSTAHAKNYA KESTABILAN POLITIK KEPADA PERNIAGAAN DAN, SELANJUTNYA, KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI, UJAR BELIAU.

HAKIKATNYA IALAH TIAP SESUATU MEMPUNYAI HARGANYA DAN KESTABILAN POLITIK TIDAKLAH TERKECUALI, + TAMBAH PERDANA MENTERI. -- LAGI.

MAHATHIR. 2 KUALA LUMPUR
DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK, HARGA YANG DITANGGUNG OLEH NEGARA IALAH PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TERSEKAT SEDIKIT.

+TETAPI PERTUMBUHAN YANG TERSEKAT ITU JAUH LEBIH BAIK DARI KEKACAUAN YANG KITALIHAT BERLAKU HARI INI DI NEGARA-NEGARA YANG TIDAK TERDAPAT KESTABILAN POLITIK,+ UJAR BELIAU.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA PERNIAGAAN TIDAK BOLEH HIDUP KEKAL, APALAGI UNTUK BERKEMBANG DALAM KEADAAN SEPERTI ITU AKIBAT KETIDAKSTABILAN POLITIK.

+KITA TERPAKSA MENERIMA BEBERAPA SEKATAN DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI KERANA PILIHAN. LAIN BUKANLAH PERTUMBUHAN YANG LEBIH BESAR TETAPI BERKEMUNGKINAN TIDAK ADA PERTUMBUHAN LANGSUNG,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA MATALAMAT KEMBAR DEB MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DAN MENGHAPUS KEMISKINAN SEBENARNYA DIGUBAL BAGI MENENTUKAN UJUDNYA KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DALAM NEGARA.

BELIAU BERKATA, MANAKALA KERAJAAN BEGITU SUKA MENERUSKAN PERANAN UTAMANYA MENGEKALKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN AGAR SETIAP RAKYAT DAPAT MENJALANKAN URUSANNYA TANPA TAKUT DAN GANGGUAN, TETAPI RAKYAT TERUS MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MELIBATKAN DIRI DALAM KEGIATAN LAIN.

+MALAHAN MASYARAKAT PERNIAGAAN, YANG PERCAYA SEPENUHNYA DENGAN DASAR PERDAGANGAN BEBAS TIDAK MENENTANG MEMINTA KERAJAAN CAMPUR TANGAN BAGI MENYELAMATKAN PERNIAGAAN MEREKA,+ UJARNYA. - LAGI.
1429MST 02 09 84

0 9 9 4

U B092 DEB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+KAMI SENTIASA DIMINTA MENAIK ATAU MENURUNKAN TARIF, MELINDUNGI PERUSAHAAN TEMPATAN, MENYUSUN PERATURAN PERNIAGAAN, MENGGUBAL UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN, MENJAUHKAN PENIPUAN DAN BERMACAM PERKARA LAGI,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, KERAJAAN TERPAKSA MENERIMA PERANAN YANG BERTAMBAH INI KERANA IA ADALAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PEMILIKAN NEGARA DAN SOSIALISME MUNCUL KERANA AHLI-AHLI PERNIAGAAN GAGAL BERLAKU ADIL DAN BERSLAKAP LEBIH BERTANGGUNGJAWAB.

+KALAU KERAJAAN MEMASUKI SEKTOR SWASTA, BUKAN KERANA IA SUKA BERBUAT DEMIKIAN TETAPI KEGAGALAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN MUNGKIN MENIMBULKAN KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI YANG TIDAK SIHAT UNTUK SEMUA TERMASUK AHLI PERNIAGAAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

+JIKA KETIDAKSEIMBANCAN BERLAKU KERANA AHLI PERNIAGAAN GAGAL MEMAINKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA, KERAJAAN TERPAKSA CAMPUR TANGAN UNTUK MENGELAKKAN KEKACAUAN YANG BOLEH MELEMAHKAN EKONOMI,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI MAHATHIR SERKATA BELIAU GEMBIRA SEJAK KEBELAKANGAN INI ACCIM DI BAWAH PIMPINAN TAN SRI WEE BOON PING TELAH LEBIH SENSITIF KEPADA DASAR-DASAR NEGARA DAN TELAH MENUNJUKKAN HASRAT LEBIH BESAR BERGERAK SEJAJAR DENGANNYA.

+ACCIM SEKARANG INI LEBIH BANYAK BERHUBUNG DENGAN KERAJAAN, MEMBOLEHKAN PERHUBUNGAN YANG LEBIH PRODUKTIF YANG MENGUNTUNGAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK, KATANYA.--BERNAMA